

Nyanyian Pantun Dalam Tarian Selong Perkahwinan Cocos di Sabah.

Isa Romtie, Asmiaty Amat & Lokman Abd. Samad

Universiti Malaysia Sabah

Email of corresponding author: ithariffatirdina@gmail.com

Abstrak

Etnik Cocos merupakan masyarakat minoriti yang menetap di Sabah. Orang Cocos merupakan antara masyarakat yang memiliki pantun dalam adat perkahwinannya. Antaranya pantun mintak anak orang (meminang), melamar, seminggu sebelum perkahwinan dan semasa perkahwinan, iaitu keramaian meraikan pengantin atas pajangan (pelamin). Kajian ini telah dilakukan di Kampung Balung Cocos, Tawau dan Kampung Skim Cocos, Kunak dimana orang Cocos menetap di situ. Pantun Cocos sangat unik dan memiliki persamaan dengan pantun Melayu. Namun begitu, masih terdapat perbezaannya antara kedua-dua pantun seperti dari segi pengucapan dan pemilihan diksi. Keunikan pantun Cocos dapat dilihat semasa tarian Selong dilangsungkan. Ketika ini, pengantin akan duduk di atas pajangan (pelamin) yang disaksikan oleh sanak saudara, jiran tetangga dan para tetamu yang hadir. Persembahan tarian Selong akan diadakan selepas acara menarik “daun lepat” dan “melenggok Kemanten.” Persembahan ini akan melibatkan keluarga pengantin lelaki dan perempuan, jiran tetangga dan tetamu yang hadir. Nyanyian pantun akan mengiringi persembahan tarian Selong berserta muzik dan biola. Pantun yang dilagukan terkandung pengajaran dan nilai murni, disamping hiburan kepada pendengarnya.

Kata Kunci : Cocos, perkahwinan, pantun, selong dan sabah.

Pendahuluan

Pantun merupakan warisan masyarakat Melayu yang popular sejak zaman berzaman kerana mewarnai dan mengindahkan budaya orang Melayu. Pada zaman dahulu, pantun merupakan alat komunikasi yang sangat terkenal digunakan oleh setiap golongan dan lapisan masyarakat. Berpantun menjadi amalan kehidupan harian antara anggota masyarakat di majlis-majlis keraian atau dalam perhubungan yang ditentukan suasana kehidupan pada masa-masa tertentu. Hari ini, pantun muncul dalam majlis-majlis tertentu seperti pembudayaan bahasa, pinang-meminang, persandingan, acara berbalas pantun dan beberapa peristiwa lain (Rais Yatim, 2013).

Dunia Melayu mempunyai pelbagai bentuk dan jenis puisi Melayu tradisional. Kekayaan masyarakat Melayu tradisional tercipta dari kekayaan budi, ketinggian imaginasi, dan kehalusan jiwa mereka. Antaranya pantun yang telah memiliki keistimewaan dan keunikan pada masyarakat tradisional. Sebenarnya puisi Melayu tradisional merupakan warisan leluhur yang lahir dari daya kreatif berdasarkan pemikiran dan pengalaman orang tua-tua. Dunia pantun terhasil berdasarkan unsur-unsur tertentu dengan diperkukuh secara teratur, tersusun dan disempurnakan dengan cara bersistematik. Dengan ini dunia pantun muncul sebagai satu dunia yang utuh, kompak dan konkrit. Istilah atau perkataan pantun yang kita gunakan sebagai istilah atau perkataan kepada suatu bentuk sastera adalah ternyata muncul daripada aspek-aspek teknikalnya yang sedemikian rupa untuk melontarkan perasaan dan pemikiran dalam iklim dan suasana pengucapan dan kebahasaan yang tertentu (Mohd. Rosli Saludin, 2007).

Harun Mat Piah (1989) telah menjelaskan definisi pantun, iaitu berdasarkan aspek dalaman dan luaran atau struktur visualnya. Aspek dalaman pantun meliputi unsur estetik dan isi (tema dan persoalan). Unsur estetik pantun dapat dilihat berdasarkan dua aspek. Pertama, yang berkaitan penggunaan lambang-lambang tertentu, iaitu terdapat dalam pantun mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Kedua, berdasarkan hubungan makna antara pasangan pembayang dengan pembayang maksud sama ada secara konkrit atau abstrak.

Masyarakat Cocos juga memiliki pantun tersendiri di dalam mewarnai budaya masyarakatnya. Pantun atau *panton* yang lebih sinonim dengan sebutan dan lenggok orang Cocos ketika bercakap. Mereka menggunakan pantun sewaktu upacara perkahwinan yang bermula dari upacara *mintak anak orang* (merisik), meminang, melamar, seminggu sebelum perkahwinan, semasa keramaian dan pasca perkahwinan. Pantun digunakan bukan sahaja sebagai pembuka bicara dan penutup majlis tetapi turut dijumpai dalam persembahan tarian. Pantun Cocos juga digunakan bertujuan mendidik pendengarnya dan memberi nasihat serta berhibur. Unsur hiburan sangat terserlah dalam pantun Cocos seperti acara tari menari, iaitu tarian *Melenggok*, *Melenggok Kemanten*, *Selong* dan *Samba Kahwin* kerana elemen pantun akan dilagukan sambil diiringi muzik gendang dan biola. Orang tua-tua Cocos biasanya akan mendahului dalam tradisi berpantun kerana terkenal dengan kemahiran berbalas pantun.

Latar Belakang Orang Cocos

Pulau Cocos-Keeling atau Pulau Cocos lebih dikenali dengan nama 'Pulau Kelapa' di kalangan penduduk pulau itu merupakan tempat asal orang Cocos. Kedudukannya terletak di tengah-tengah Lautan Hindi kira-kira 900 kilometer dari pulau terdekat, Pulau Krismas dan 1000 kilometer dari Jawa serta 2768 kilometer dari ibu kota negeri Australia Barat, Perth (Wan Hashim Wan Teh, A. Halim Ali, 1999:20).

Orang Cocos atau Kokos merupakan kumpulan penduduk yang hidup terasing dari dunia luar dari segi geografi, sejarah, politik dan bahasa. Selama *lapan* generasi masyarakat Cocos hidup dalam keadaan keterasingan, dan berusaha membangunkan ekonomi yang mereka kongsi bersama. Sikap kesetiaan dan bertanggungjawab terhadap keluarga begitu tinggi. Penglibatan masyarakat Cocos terhadap agama Islam sangat memberansangkan disamping berusaha mendalami ilmu tersebut (Pauline Bunce, 1993:78).

Penghijrahan orang Cocos disebabkan meletusnya perang dunia kedua kerana kepadatan penduduk semakin ramai melebihi bilangan yang mampu ditanggung oleh asas ekonomi pada masa itu. Hal ini menyebabkan masalah kekurangan makanan di waktu-waktu tertentu seperti ketiadaan beras dan terpaksa makan kelapa yang dicampur dengan ubi dari teluk di pulau tersebut. Lantaran itu, kerajaan British menggalakkan penghijrahan keluar terhadap penduduknya. Pada tahun 1948, kira-kira seramai 1,600 penduduk berhijrah terutamanya menuju ke North Borneo (Sabah) sebagai pekerja lading (Wan Hashim Wan Teh, A. Halim Ali, 1999).

Sehingga ke hari ini, biarpun berpuluh tahun meninggalkan negara asal dan saudara mara, tetapi budaya dan cara hidup mereka masih dikekalkan hingga ke hari ini. Antaranya tradisi berpantun masih menghidupkan setiap acara yang diadakan oleh masyarakat Cocos. Pantun telah dianggap sebagai lambang penyatuan antara mereka dalam masyarakat tersebut. Antara elemen pantun yang digunakan ketika meraikan pengantin di atas *pajangan* (pelamin) dengan mempersembahkan tarian *Selong* yang ditarikan oleh kaum keluarga dan tetamu yang hadir pada masa itu. Penyatuan dan semangat kekitaan dikalangan keluarga dan masyarakat amat terserlah dalam budaya orang Cocos sebagai lambang kesepakatan dan perpaduan mereka (Rontie Irla, 81 tahun).

Keunikan Nyanyian Pantun Dalam Tarian Selong

Persembahan tarian *Selong* sudah berakar umbi sejak di negara asal sehinggalah penghijrahan masyarakat Cocos ke Borneo. Tradisi tarian *Selong ini* masih menjadi nadi penggerak di dalam beberapa acara terutamanya ketika majlis perkahwinan dan beberapa upacara tertentu. Seakan tidak lengkap majlis yang diadakan jika tidak ada kehadiran tarian *Selong*. Keunikan tarian ini sangat terserlah kerana dalam hiburan dapat menyatukan segenap masyarakat Cocos dari setiap lapisan umur.

Tarian *Selong* antara acara yang dipersembahkan ketika majlis perkahwinan meraikan pengantin di atas *pajangan* (pelamin). Acara ini kebiasaannya akan diadakan selepas perarakan pengantin lelaki menuju ke rumah pengantin perempuan. Sebaik sahaja Pak Imam bersama *Pak kemiti* (pembantu imam), dan kaum bapa membaca doa kesyukuran, acara keraian akan dimualakan bersama tetamu yang hadir. Pantun dan tarian *Selong* tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya saling melengkapi. Ini kerana dalam tarian *Selong* akan ada pantun yang dilantunkan sebagai nyanyian untuk melengkapi gerak tarinya (Isa Romtie, 2016).

Kaum keluarga, sanak saudara dan jiran tetangga yang hadir dalam majlis perkahwinan pengantin akan dipelawa untuk turut serta membuat persembahan tarian *Selong*. Orang tua-tua sama ada lelaki atau perempuan akan mendahului dalam pembukaan tarian ini. Kemeriahan yang sangat terasa dengan sahutan berbalas pantun oleh orang tua-tua yang sememangnya bijak dalam melantunkan pantun mereka. Keseronokkannya lebih terasa apabila tarian *Selong* diiringi dengan muzik biola dan gendang oleh pemuzik dikalangan masyarakat Cocos sendiri. Lebih menarik apabila pantun yang dilantunkan menggunakan bahasa serta sebutan dan intonasi serta lenggok orang Cocos bercakap setiap hari. Lagak dan tingkah pemantunnya akan memeriahkan lagi suasana ketika itu, disamping persembahan tarian oleh kaum keluarga dan sanak saudara.

Dalam tarian *Selong* tidak terhad tema pemilihan pantun kerana tidak ada garis panduan yang ditetapkan untuk memilih setiap pantun yang akan dipersembahkan. Sebaliknya, pantun yang dilantunkan mengikut kebebasan dan kesesuaian para pemantunnya dengan memilih tema yang dikehendaki. Apa yang penting, pantun yang dipilih mempunyai nilai-nilai baik dan unsur didikan serta nasihat kepada pendengarnya. Terutamanya kepada pasangan pengantin yang sedang diraikan kerana baru melayari kehidupan berumahtangga.

Antara lagu pantun yang terdapat dalam persembahan tarian *Selong* adalah seperti berikut;

Ari (hari) minggu duduk menyucik
Ambik piso (pisau) mengupas kates (betik)
Anak muda lagi menyucik
Air mata jatuh (jatuh) menetes (menitis)

(Arsah Bidol, 77 tahun)

Pakek (pakai) selipar jalan pelaan (perlahan)
Sambil mengesek tali biola
Perot lapar boleh di ta'an (tahan)
Ati (hati) yang asik menjadi gila

(Hjh. Romtie Itla, 81 tahun)

Dari bukit ke kandang lembu
Petang-petang mentari silu (silau)
Jangan adik bermalu-malu
Kerna kita jumpa selalu

(Hj. Mydin Salam, 78 tahun)

Anak tikus dalam perigi
Anak Cina bakar merecon
Selamat tinggal abang yang pergi
Buah hati pengarang jantung

(Hjh. Arsie Bidol, 77 tahun)

Terang bulan bintang bercahaya
Anak gagal bermakan padi
Kalok (kalau) adik tidak percaya
Belah di dada liat (lihat) di hati

(Arsah Bidol, 77 tahun)

Malam ini malam Kamis (Khamis)
Abang menembak keluar mimis
Tengah malam bangon (bangun) menangis
Rasa di samping si hitam manis

(Hjh. Arsie Bidol, 77 tahun)

Cempedak nangka getahnya putih
Urat di dalam kasar isinya
Jumpa adik hatiku kasih
Sebab sudah tahu budinya

(Hj. Mydin Salam, 78 tahun)

Ujan lebat baik berpayung
Jangan kita basahkan badan
Di mana tempat mau bergantung
Kalok tidak susahkan badan

(Bahdie Itla, 76 tahun)

Tumbuk-tumbuk kateng-kateng
Mata kail diikat benang
Rajin belajar pagi petang
Kalok besar nanti senang

(Arsah Bidol, 77 tahun)

Kalok ujan jangan tempias
Kalok tempias banjir di kali
Kalok dibuang jangan didiak
Kalok didiak balik kembali

(Hjh. Arsie Bidol, 77 tahun)

Maksud rangkap pertama pantun menjelaskan seorang anak gadis yang sedang duduk menyuci kain sambil terkenang kekasihnya yang jauh. Kerinduannya seakan tidak dapat dibendung sehingga menitiskan air mata kerana terlalu menyayanginya. Dalam baris kedua pembayang pantun, iaitu “Ambik piso (pisau) mengupas kates (betik)” menggambarkan pisau sebagai benda yang tajam lalu terkena tangan dan berdarah. Demikian hati seseorang yang sedang gila dilamun cinta, sangat sensitif dengan usikan atau gurauan terutama apabila berjauhan.

Rangkap kedua pantun telah menerangkan bahawa kelaparan seseorang boleh sahaja ditahan dari makan dan minum. Namun tidak boleh dikawal perasaan apabila dilamun cinta kerana sentiasa terkenangkan kekasih hati. Demikian baris keempat pantun “Ati (hati) yang asik menjadi gila,” mengibaratkan perasaan seseorang yang tidak dapat dibendung lagi kerana tidak sabar ingin bertemu pasangannya.

Pantun ketiga, dapat digambarkan pada setiap baris maksudnya, iaitu anak dara yang sangat pemalu orangnya dan memiliki sifat kelembutan serta keayuan dalam dirinya. Dia tidak biasa berjumpa dengan lelaki secara terbuka terutama yang tidak dikenalnya. Kesopanan dalam pantun ini ketika dilantunkan sangat menonjolkan cara pemantun melantunkan pantunnya. Penyampaiannya seperti memujuk dan mengharap cintanya diterima.

Dalam rangkap pantun keempat, menjelaskan pasangan kekasih yang akan berpisah buat sementara waktu, disebabkan tugas dan tanggungjawab. Perpisahan mereka ini tidaklah menunjukkan kesedihan di antara mereka kerana waktu akan menemukan mereka semula. Apa yang menariknya dalam pantun ini ketika dilantunkan adalah lebih bersahaja dan menunjukkan senda gurau kepada tetamu yang hadir.

Merujuk pantun kelima, baris maksud pantun telah menjelaskan sikap saling percaya antara pasangan yang sedang bercinta. Sememangnya kejujuran sangat penting untuk mempertahankan hubungan yang dibina bagi meneruskan hidup berumahtangga. Tanpa ada perasaan saling percaya, maka rosaklah pertalian cinta yang telah dibina. Walau bagaimanapun, pantun ini agak menarik kerana menggunakan peribahasa Melayu, pada baris maksud keempat pantun, iaitu “Belah di dada liat (lihat) di hati.” Ini kerana kejujuran seseorang itu, bukan hanya dilihat pada luaran sahaja, tetapi dalaman sangat penting untuk dinilai. Terutamanya apabila melibatkan soal hati dan perasaan seseorang.

Seterusnya, pantun keenam masih bertemakan pantun percintaan dan kasih sayang. Maksud baris pantunnya adalah kerinduan seseorang yang teringatkan kekasih hati sehingga terbangun pada waktu tengah malam, lalu duduk menangis. Dalam baris keempat pantun menyatakan bahawa kekasih yang dirindukan itu adalah seorang yang hitam manis kulitnya. Ini menunjukkan bahawa lelaki yang berkulit hitam manis ditonjolkan memiliki sifat keperibadian yang baik, walaupun kulitnya tidak seperti lelaki lain yang selalu menjadi kegilaan kaum wanita. Namun hati budinya dapat menambat hati mereka yang benar-benar inginkan kebahagiaan hidup bersamanya.

Rangkap ketujuh pantun membawa maksud tentang seorang lelaki yang sudah berkenan dengan wanita pilihannya. Bukan baru sekali dia melihat dan bertemu, tetapi sudah kerap berjumpa sehingga sudah tahu hati budinya. Setiap kali berjumpa, pasti hati lelaki tersebut menjadi berbunga-bunga dan gembira melihatnya. Penggunaan frasa “cempedak dan nangka” amat sesuai penggunaan pada baris maksud pantunnya kerana mengibaratkan buah tersebut seperti pasangan lelaki dengan wanita. Oleh itu, pemilihan kata dan objek dalam pantun ini sangat bersesuaian sekali.

Pantun kelapan membawa maksud kesusahan dan kepayahan yang dilalui oleh seseorang dalam mengharungi hidup. Dia seperti tidak ada tempat bergantung untuk mengaduh nasib kerana tidak ada sesiapa yang diharapkan. Hanya pada dirinya sendiri tempat dia mengumpul kekuatan untuk meneruskan kehidupan. Dalam baris pembayang pantun, iaitu “Ujan lebat baik berpayung, jangan kita basahkan badan” sangat sesuai dipadankan dengan maksud pantun ini kerana hujan yang turun, lalu menggunakan payung sebagai tempat untuk berlindung. Terdapat persamaan antara baris pembayang dan maksud dalam menyatakan isi pantun yang dilantunkan oleh pemantun.

Begitu juga pantun kesembilan yang menjelaskan orang yang rajin belajar dan berusaha dengan tidak kira masa akan menjadi senang suatu hari nanti. Kejayaan seseorang itu akan membuahkan hasil dengan usaha yang dilakukan kerana tidak pernah berputus asa. Penyampaian pantunnya lebih spontan tetapi masih bertujuan untuk mendidik pendengarnya. Ini jelas pada baris pertama pembayang pantun, iaitu “tumbuk-tumbuk, kateng-kateng” yang memperlihatkan keseronokkan sewaktu penyebutan frasa baris pantunnya. Malah menunjukkan keseragaman rima semasa pengucapannya.

Rangkap kesepuluh pantun yang bertemakan nasihat telah menjelaskan bahawa sesuatu yang telah ditinggalkan oleh seseorang itu, jangan sekali-kali dilihat semula atau ingin mengambilnya kembali. Ini kerana akan membawa rasa kecewa dan hampa bagi diri mereka. Perkara yang sudah berlaku sebaiknya dilupakan dan jangan terus dikenang kerana akan merosakkan diri sendiri. Dalam pantun ini sebenarnya telah menggambarkan serba sedikit berkaitan masyarakat Cocos sewaktu meninggalkan tanah air mereka disebabkan kesempitan yang dialami pada masa itu. Mereka terpaksa belayar pada waktu malam kerana tidak mahu bersedih meninggalkan tempat halaman dan sanak saudara yang masih berada di Pulau Cocos (Pauline Bunce, 1993). Apa yang menarik dalam pantun ini juga kerana keempat-empat baris pantun pembayang dan maksud telah menggunakan perulangan frasa “kalok” iaitu yang bermaksud “kalau.” Perulangan frasa ini menunjukkan keseragaman pada setiap baris pantunnya kerana diawal kata menggunakan frasa “kalok.” Demikian juga penggunaan bahasa dan cara sebutan Cocos turut dijumpai dalam pantun ini seperti *didiak*, *ujan* dan *kalok*.

Acara meraikan pengantin di atas *pajangan* (pelamin) sangat menyeronokkan bagi semua pihak terutamanya kaum keluarga, sanak saudara dan jiran tetangga. Ini kerana persembahannya yang tidak formal dan lebih mementingkan hubungan kekeluargaan dan kekitaan dalam masyarakatnya. Bukan sahaja kaum keluarga dan sanak saudara yang menarikan tarian ini tetapi pengantin juga akan dibawa bersama untuk berhibur. Pantun yang dilantunkan juga lebih spontan dan mengikut gerak hati pemantun pada masa tersebut. Sorakan diantara mereka akan memeriahkan lagi persandingan pengantin di atas *pajangan*.

Penutup

Walaupun masyarakat Cocos merupakan minoriti yang mendiami Negeri Sabah, tetapi kehadiran mereka turut menyumbang kepada perkembangan budaya dalam masyarakat peribuminya. Pantun sebagai pelengkap dalam tarian *Selong* telah memberi kesan kepada penyatuan dikalangan masyarakat Cocos. Bukan hanya orang tua-tua yang memainkan peranan dalam acara ini, tetapi generasi muda terlibat sama dalam tarian *Selong*. Pantun yang dilantunkan oleh orang tua-tua memiliki keunikan pada bait pembayang dan maksud pantunnya. Dalam pantun terselit unsur pengajaran dan didikan kepada masyarakat pendengarnya. Biarpun, pantun disampaikan dalam bentuk nyanyian tetapi nilai pengajaran terserlah pada setiap baris pantun yang dilantunkan.

Rujukan

Isa Romtie. 2016. *Keindahan Pantun Dalam Adat Perkahwinan Cocos*, Universiti Malaysia Sabah.

Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional, Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Rosli Saludin. 2007. *Puisi Melayu Tradisional*. Penang: Siri Buku Budaya, Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.

Pauline Bunce, *Penterjemah* Padila Haji Ali. 1993. *Kepulauan Cocos (Keeling), Masyarakat Melayu di Australia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rais Yatim. 2013. *Pantun dan Bahasa Indah, Jendela Budaya Melayu*, Perpustakaan Negara Malaysia.

Wan Hashim Wan Teh, A Halim Ali. 1999. *Rumpun Melayu Australia Barat*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Temu bual Informan

Arsah binti Bidol, umur 77 tahun, temua bual dikediaman, di Kampung Skim Kokos, Kunak, pada 5 Ogos 2017.

Arsie binti Bidol, umur 77 tahun, temua bual dikediaman, di Kampung Balung Cocos, Tawau, pada 1 Ogos 2017.

Bahdie binti Itla, umur 74 tahun, temu bual dikediaman, di Kampung Balung Cocos, Tawau, pada 10 Ogos 2017.

Mydin bin Salam, umur 78 tahun, temu bual dikediaman, di Simpang Empat, Kunak, pada 5 Ogos 2017.

Romtie bin Itla, umur 81 tahun, temu bual dikediaman, di Kampung Balung Cocos, Tawau, pada 1 Ogos 2017.